




## Terukir cinta

*Anna Lee*

Download now

Read Online ➔

# Terukir cinta

*Anna Lee*

## **Terukir cinta** Anna Lee

Nadia yang polos, Nadia yang setia. Dia cuma perlukan dua K dalam hidupnya. Kerjaya dan Kahwin. Kerjaya? Dia boleh memohon kerja. Tapi kahwin? Hah, itu yang susah! Lima tahun bertemankan Imran, segalanya nampak mudah tetapi apabila emak mula mendesak soal kahwin, semuanya menjadi payah. Jawapan Imran buat hatinya naik geram.

“Alah. Pandai-pandailah awak goreng mak awak tu.”- Imran

“Awak, dia mak saya tau. Kalau awak, dah lama saya buat Imran-goreng-sambal-belacan!”- Nadia

Kesabaran Nadia sampai ke kemuncaknya apabila Imran mula mencabarnya. Tanpa berfikir panjang dia nekad melamar lelaki yang kebetulan lalu di situ.

“Awak, nak kahwin dengan saya tak?” - Nadia

“O... key. Bila?” Tergagap-gagap lelaki itu menyatakan persetujuannya. Di mata Nadia, lelaki itu nampak serabai tetapi apa dia kisah. Niat hatinya cuma satu, nak-buat-Imran-cemburu! Namun siapa sangka tindakan nekad itu, merubah corak hidupnya. Pertemuan demi pertemuan berlaku selepas itu. Siapa sangka juga, si serabai yang mata merah macam mat gian itu pakai kereta Audi yang ‘seksi’.

“Mesti awak ingat saya ni pencuri kereta, kan?” - Khalif

“Tak. Mula-mula saya sangka awak ni mat gian. Tapi tak sangka rupanya awak ni mat gian campur pencuri kereta!”- Nadia

Mereka bertemu lagi tapi kali ini si serabai sudah berubah rupa, smart dan bergaya. Waktu itu, si serabai mengaku dia seorang driver. Siapakah dia sebenarnya? Makin lama, mereka serasi bersama tapi, Imran bagaimana? Apa akan berlaku apabila Nadia tahu siapa Khalif sebenarnya? Siapa yang Nadia pilih, Imran atau Khalif? Berjayakah Nadia mendapatkan dua K yang sangat penting dalam hidupnya?

## **Terukir cinta Details**

Date : Published August 2013 by Idea Kreatif Publication

ISBN :

Author : Anna Lee

Format : Paperback 615 pages

Genre :

 [Download Terukir cinta ...pdf](#)

 [Read Online Terukir cinta ...pdf](#)

**Download and Read Free Online Terukir cinta Anna Lee**

---

# From Reader Review Terukir cinta for online ebook

## Tiara Sapphire says

Jalan cerita ok la. Ada juga rasa terhibur tapi watak Nadia ni yg buat cerita dia jadi complicated.

Seriously tak berapa suka sangat dengan si Nadia. Suka sangat fikir negatif, terlalu prejudis pastu suka kutuk orang nak show off tapi rasanya dia yg tak boleh tengok orang lain lebih dari dia. Bila nampak watak heroin tak berapa nak matang, aku tak berapa nak nampak apa yg buruk dgn watak lain macam Salina yg dikatakan nak bersaing dgn dia.

Tapi nasiblah ada Khalif, terhibur sikit nak habiskan novel ni.

---

## Ella says

Saya dah tak tahu apa nak cakap tentang diri saya lagi..semakin cynic and sarcastic..Arwah atuk pernah pesan, jika hati dah mula sebegitu, kurang2kanlah activiti yg membuat hati kita hitam dan lebihkan mengaji..Lebih afdhal. If I read this back then when it was first published, kira waktu mula berjinak2 dlm novel melayu, saya mungkin akan lebih enjoy dan keep my thoughts to myself.

Nadia at 30, maaf cakap ya, macam orang sakit terencat akal. Sebab at 30, her mentality was really shallow. Org yg ada penyakit sebegini, biasanya minda dia lambat berkembang..umur semakin tua tapi pemikiran bawah paras. Saya cakap begini sebab kat hujung block saya, ada sekolah 'Special'. Bezanya, budak2 with special needs ni dengar kata juga, ada degilnya tapi masih boleh control. Yg bagusnye, kalau salah, mereka akan tegur, "Ehem! this is wrong". Dengan gaya poyo, nampak lucu juga.

Salah Nadia kah jadi begini? Keadaan sekeliling buat dia jadi begitu. Tak lari dari bualan manusia dan sentiasa rasa tercabar..Kalau kita berpandukan qadha dan qadr dan lebih bersabar, tak perlu kita risau tentang semua itu. Sayangnya, her loyalty was misplaced for 5 yrs..all tell tale sign dah nampak yg Imran tak sesuai dan tak serius dlm hubungan mereka.

Khalif Aufa is awesome..dia really berusaha untuk dapatkan Nadia. Walaupun caranya ternyata kurang gentleman, saya 50/50 setuju. Betul juga..kalau tak uji si Imran ni mana tahu kesetiaan dia ngan Nadia tahap mana..and I think Imran ni cuma bersama Nadia sebab dah terbiasa dgn kehadirannya bukan kerana cinta tapi pengecut nak mengaku. Mudah di goda..tak tetap pendirian..In short apa yg jadi diantara dia dan Maisara, he deserved it. Nadia pun sengal. Bertunang dgn siapa pun tak kenal..obviously, selama 5 yrs dia tak kenal keluarga Imran..itu pun masih tak faham niat Imran.

He really loves Maisara, bila Maisara putuskan hubungan dia kembali kepada Nadia, then Maisara minta patch back dia tinggalkan Nadia again..Kan tak bertanggungjawab namanya..jadi untuk watak dia saya tak kesian langsung. hehehe..Yg jadi tanda tanya, tak ada sekelumit rasa sayangkah Maisara buat Imran?

NLB

---

## Azizah says

Terkeliru sama ada nak bagi 4 atau 3. Kesudahannya cuma berpuas hati dengan 3.5 bintang saja.

Wahhhhhhhh, takut pula rasanya nak *review* karya ni sebab rata-rata *rate* yang diberi pembaca semuanya tinggi-tinggi belaka. Mungkin penilaian KakChik yang paling rendah kot. Ampun ya cik/puan penulis. KakChik menilai dari rasa sudut hati sendiri yang asyik nak *demand* aje sekarang ni.

Kisah ni perjalanan cinta suka duka Nadia Hussin-Ilham-Khalif-Maisara. Nadia yang sudah 30 tahun tu terlalu terdesak untuk berumahtangga apatah lagi selepas sepupunya Salina siap bertunang dengan juruterbang. Nadia makin tertekan dengan sikap Ilham yang selalu mengelat apabila berbincang perancangan untuk berumahtangga. Disebabkan kononnya nak jaga air muka dan menunjuk pada Salina, dia berbohong untuk bertunang dalam masa terdekat, sudahnya Ilham yang tertekan dengan paksaan Nadia telah buat keputusan untuk *break up* buat sementara.

Sudahnya sebab desakan dan sikap terburu-buru Nadia tu dan sikap ego Ilham, hubungan selama 5 tahun tu terputus begitu saja. Ditambah lagi dengan kemunculan Maisara yang berjaga menggoda Ilham, lagi la buat Nadia naik hantu. Jadi untuk menunjukkan yang dia ni juga laku, Nadia main *grab* lelaki yang lalu di depan mata. Dah macam kisah dalam Dia... Random Guy la pula KakChik rasa.

Pertemuan pertama, memang dia tercabar dengan sikap Imran dan pertemuan kedua sebab kegedikan Maisara yang terlalu nak mengenali teman lelaknya. Walaupun setiap pertemuan itu dengan orang yang sama tapi dengan perwatakan yang berbeza dengan Nadia tak perasan langsung. Sikap Nadia yang terlalu teruja dengan kehadiran Khalif ni juga didorong dengan sikap teman-teman baiknya, Hara dan Yatie. Mereka yang selama ini tidak begitu berkenan dengan Ilham, laju aje memaikan peranan untuk membantu Khalif-Nadia sebagai kekasih.

Khalif memang memainkan peranan kekasih yang hampir sempurna. Nadia pula yang selalu dilayan endah tidak endah oleh Ilham, memang terbuai sungguh. Sedang mereka menyulam bahagia tiba-tiba Ilham muncul untuk kembali kepada Nadia. Nadia ni memang tidak tetap pendirian, boleh dia teragak-agak dengan keputusan dia sama ada nak kembali kepada Ilham atau terus bahagia dengan Khalif yang romantik tu. Keadaan makin bercelaru disebabkan malam 'durjana' tu dan Nadia nekad tidak mahu lagi bersemuka dengan Khalif.

Kalau nak tahu kesudahan siapa pilihan Nadia, kena baca ye...:P

Permulaan kisah memang dah menarik hati tapi bila dah selusuri ke pertengahan jalan hingga ke akhirnya, ada sesuatu yang buat KakChik terkilan. KakChik rasa macam tak puas hati dengan watak utama dan juga sikapnya yang digambarkan terlalu cepat berprasangka buruk, tidak tetap pendirian dan juga tidak berani untuk bersemuka. Sudahnya dia sendiri yang hampir menolak bahagia yang sudah di depan mata.

Watak Khalif - pasti mendapat tempat di hati peminat yang suka hero romantik sebegini.

---

## Dyh Usen says

Cerita ni dibaca tanpa meletakkan sebarang jangkaan. Sudah pernah membaca bab awal di blog penulis. Dan, walaupun bertukar nama pena (dulu Zuliana Abuas) gaya penulisan Anna Lee sama seperti naskah sebelum ni, yang selesa dengan romantik komedi :)

p/s 1: ni bukan ulasan keseluruhan ^^.

p/s 2: kesiannya kat Imran. Aku harap dia belajar dari pengalaman. Sungguh aku kesian kat dia. \*drama queen sangat\* :-D

---

### **Cik Pah says**

Layannnn. Nadia yang kecewa dengan Imran secara random melamar lelaki lain untuk mengahwininya di sebuah restoran setelah 5 tahun bercinta dengan Imran tapi tak nampak langsung ura-ura Imran akan masuk meminang. Bila topik pasal kahwin dibangkitkan, pasti berakhir dengan pertengkaran.

Khalif Aufa, bujang terlajak berusia 39 tahun memang sedang mencari calon menantu mama yang sudi melamarnya. Apabila Nadia melamar dirinya di restoran, terus sahaja dia bersetuju walaupun dia tahu Nadia berlakon untuk menyakiti hati Imran. Maunya dia tak bekerjasama dengan Nadia, segala pertengkaran Nadia-Imran dapat didengari.

Malangnya Nadia tersalah sangka Khalif adalah mat gian dan pencuri kereta kerana penampilannya yang berserabai tapi memandu Audi.

Dipendekkan, Nadia bertukar jadi Cinderella setelah menempuh macam-macam dugaan dan salah faham kerana Khalif adalah pewaris Emas Holding.

Suka dengan watak Khalif tidak kepada Nadia yang clumsy dan prejudice

---

### **Wan Amalyn says**

2 1/2\*\*

Cerita ini ok pada saya...

Cuma bila dah hujung-hujung tu agak terganggu dengan cara penulis...  
Mungkin pada pembaca lain, itu bukan masalah. Tapi pada saya ia sedikit mengganggu.

---

### **Mai says**

3.5\*

Mulanya rasa teragak-agak juga nak baca kisah tapi akhirnya tersuka pulak.

Walaupun kurang gemar dgn sikap Nadia ni tp secara keseluruhan kisah yang boleh dibaca tanpa sebarang masalah.

Terima Kasih kepada Cik Pah untuk buku ini

---

### **Ririn says**

Hmm...pelik juga. Macam mana saya boleh habiskan buku ni kejam jer? Yang lagi pelik, boleh habiskan??

Kisah mengenai Nadia gadis polos yang mencari 2K dalam hidupnya. Kerjaya dan Kahwin. Lima tahun bercinta dengan Imran tapi Imran seakan-akan tidak serius dengan hubungan mereka. Nadia sering juga mendesak supaya mereka bertunang, tapi macam2 pula la alasan yang diberi. Sehingga la satu hari kerana tak tahan dicabar Imran, Nadia terus jer melamar seorang lelaki kat restoren tu.

Di situlah perkenalannya dengan Khalif Aufa bermula. Khalif yang selekeh dianggap mat gian, lepas tu tambah pulak tittle pencuri kereta. Banyak juga la peristiwa yang terjadi sebelum Nadia dan Khalif kahwin.

Saya sebenarnya tak sukakan sikap keanak-anakkan Nadia. Kata umur 30 tp sikapnya kadang-kadang macam baru habis SPM jer. Sangat prejudis, suka membuat penilaian dari segi luaran, suka menjatuhkan hukuman tanpa usul periksa. Hati dia jer yg dia tahu, tapi tak nak selidik kebenarannya.

Tak tau kenapa, ada rasa simpati pada Imran. Mula2 sebab rasa Nadia tu suka sangat mendesak, nak sangat bersaing dengan sepupunya Salina. Lepas tu kena main pulak dengan Maisara. Walaupun dia digambarkan macam lelaki tak guna, sanggup jer tinggal gf yang dah 5 tahun bercinta sebab jumpa perempuan lagi cantik, lepas tu buat pula perangai pengecut macam tu...hmm..entahlah...rasa macam dia juga mangsa keadaan...

Khalif Aufa...tak payah cerita. Cukup segalanya...

Cerita ni cerita biasa jer kot. Masa start tu dah cuba tanam kat dalam hati tak payah la letak expectation apa-apa. Walaupun begitu, masih lagi terganggu dengan benda2 yang buat saya rasa sakit jiwa.

Tapi keistimewaannya...ia berjaya buat saya habiskan membaca. So, solid 3 stars for that.

---

### **Hajar says**

Nadia si polos yang setia dan *sempoi*. Dalam hidupnya, hanya dua K yang diimpikan. Kerjaya dan Kahwin. Kerjaya? Oklah, walaupun bukan kerjaya yang menjanjikan kemewahan. Tapi bagi Nadia, cukuplah bagi menampung kehidupan seharianya. Kahwin? Inilah yang menjadi dilemanya sekarang.

Setelah lima tahun bercinta, Imran masih lagi tidak menunjukkan petanda untuk melamarnya. Jika tiada yang sibuk-sibuk mempersoalkan, memang Nadia boleh berlagak selamba. Tapi bila emak di kampung mula mendesak, serba salah jadinya. Bila diajukan kepada Imran, cuma disuruh bersabar sebab Imran kononnya sedang mengumpulkan modal untuk membeli rumah kediaman mereka nanti. Mula-mula memang Nadia bolehlah digula-gulkan dengan alasan tu. Bila dah kerap kena *provoke* dengan emak sendiri siapa yang

boleh tahan kan?

Di sinilah bermulanya adegan ala-ala Dia Random Guy. Sebab dah terlampau geram dengan Imran, Nadia menyahut cabaran Imran. Tanpa berfikir panjang dia nekad melamar entah siapa-siapa lelaki yang lalu di situ. Huh. Mujurlah Mr. K (Khalif) yang lalu. Kalau mamak kedai tu yang lalu mau meraung agaknya Nadia kat situ. Hihi. Khalif yang serabai ni boleh pula melayan permintaan tak masuk akal si Nadia ni. Nadia tak pedulilah, siapa pun yang dia lamar tu. Janji misinya untuk membuat Imran cemburu tercapai. Sudahnya Imran buat tak kisah. Siap bersetuju untuk berpisah. Heh.

Yang menariknya, lepas aja putus dengan Imran Nadia kerap bertemu dengan Khalif sebab Khalif ni sentiasa je muncul waktu Nadia memerlukan. Macam *stalker* pun iya. Bila Maisara, teman sepejabat Nadia mula meng'gedik' dengan Imran. Khaliflah manusia yang menjadi penyelamat. Macam dirancang-rancang pula kan? Bila dah mula serasi, sesuatu berlaku hingga membuat Nadia tersepit antara Imran dan Khalif. Siapa akhirnya yang bakal jadi pelengkap K yang dicari Nadia?

Komen saya: Cerita ni memang nampak agak menarik awalnya, tapi graf suka saya makin menurun di pertengahan cerita sehingga akhir. Hmm. Mungkin rasa terganggu dengan sikap Nadia yang goyah ditambah pula bila terbongkar identiti Maisara di penghujung cerita. Bagi saya perancangan mereka nampak kejam walaupun tujuannya baik. Imran tu dah macam mangsa uji kaji pula. :P Tapi, lain orang, lain rasanya kan? Saya pasti ramai yang jatuh hati dengan Khalif ni nanti. :) Tahniah buat penulis untuk buah tangan terbarunya ini. Moga terus maju jaya dan dilimpahi ilham untuk kisah-kisah seterusnya. Tak lupa juga terima kasih buat si pemberi buku. Moga makin murah rezeki. Amin! :)

---

## Ogy Yusof says

puan penulis Anna Lee bawa kita pusing nak roller coster panjang yang ada mendatar, menegak, berpusing, menjunam dan akhirnya balik pada titik asal. kisah cinta tapi banyak roundabout dan bonggol yang perlu dilalui.

nadia, seorang gadis biasa dengan sifat seorang gadis biasa. tak suka banyak renyah, tak suka banyak konflik walaupun sebenar dia suka timbulkan konflik tanpa sedar. bercinta dengan imran tapi kisah percintaan yang mendatar saja selama lima tahun. sesekali je bergolak bila imran masih tak mahu berkahwin selagi impian kehidupan tak dicapai.

manalah si nadia nak. apatah lagi sering didedak dek maknya. tambah pula punya sepupu paling poyo dalam dunia. segalanya hebat sekeliling salina buat nadia rasa tak boleh bernafas bila sepupunya ada dengannya.

muncul khalif. khalif yang pernah nadia ajak kahwin tiba-tiba masa bergaduh dengan imran. khalif yang kad kerjanya di'salah guna' sewaktu di kafe ofis oleh nadia. dan khalif yang dipaksa menyamar oleh nadia sewaktu di pulau perhentian kerana terserempak dengan imran dan maisara. adoi!

biasalah. kisah cinta dalam kehidupan. kisah ragam manusia yang sangat luar jangka. dah pernah baca buku ni sebenarnya waktu baru terbit lima tahun lepas dan kisahnya masih sedap dibaca sekarang. apa sahaja dalam hidup ini, jangan melulu bertindak. rasional dalam buat keputusan. dan paling penting, jangan suka percaya pada gosip! boleh merana beb...

---

## Kamaliah says

Hmm.... Rata-rata menyukai cerita ini. Saya akui saya suka juga tapi taklah secara menyeluruh. Ada part yang saya suka and ada part yang kurang sedikit pada saya.

Olahan is ok. Tidak membosankan. Konflik pun ok. Tidak menyedapkan dada. Cuma yang saya kurang adalah "keillogikan" penghujung cerita. Masakan Nadia tidak mengenali keluarga Imran??? For heaven sake, they've been together for FIVE YEARS okay? Takkan tak pernah pergi jumpa parents Imran. I mean kalau nak kata Nadia tu terlalu menjaga adat ketimuran bagai sampai tak pergi melawat bakal mertua when they've been together for FIVE YEARS, boleh je dia bersentuhan bebas laku dengan both Imran and Khalif kan? Itu yang menjadi tandatanya saya.

Nadia - To me, saya honestly tak suka dia. She is in a way, selfish, inconsiderate, prejudice, pigheaded and self-centred. Ooops... Sorry Nadia's fans. That is how I see her. Selfish and inconsiderate – she wanted Imran to marry her so that her mom will keep quiet and to shut Salina up. Prejudice – She only sees the outside of a person without taking the initiative get to know the inside before judging them. Never ever judge a book by its cover. Pigheaded and self-centred – She always make decisions that suits her in her time of anger without thinking of the consequences. Just because I'm saying all these things about Nadia, doesn't mean that I like Imran. I 'like' him as much as I like Nadia. :) I think they suit each other. No wonder they were together for FIVE YEARS.

Khalif – Now him, I like. He's such a patient man. Understandable, due to his age. If I were him, I would have left Nadia. All the while reading, I kept thinking, "She doesn't trust you enough to stand by you. Why stay with her???"

And oh 1 more thing. I don't like the "experiment' done on Imran by both Khalif and Maisara. I think their method is dirty. Khalif, winning Nadia the way that you did doesn't show that you are the best man. Fullstop. And Maisara, remember Karma? That is so bad. Be careful dear.

All in all, it was an ok read.

---

## W. N. Izzaty says

[BOOK 60]

Terukir Cinta by Anna Lee.

Disclaimer: walaupun ni ialah buku Anna Lee, jangan expect ada plot twist, genre urban fantasi bagai macam novel penulis dengan Prolog Media. Ni ialah novel cinta sepenuhnya.

.

Dan bagi aku, plot ceritanya agak cliché.

.

Nadia, yang sekarang umurnya dah masuk 30-an, mementingkan 2 K iaitu kahwin dan kerjaya. Untuk kahwin, puas si Nadia duk pujuk boyfriend dia untuk tunang, tapi punyalah banyak cekadaknya. Part kerjaya pulak, Nadia gigih lah pergi interview kat Emas Holding, tapi disebabkan sepupunya Salina guna kabel, akhirnya Salina yang dapat kerja tu.

.

Dan disebabkan si Imran duk cabar Nadia, akhirnya Nadia main rembat sorang mamat ni dan ajak mamat tu kahwin. Dan mamat tu ialah Khalif. Khalif ialah anak bos Emas Holding. Tapi dia mengaku sebagai driver.

.

So, konflik ialah bila Nadia dah elok-elok couple ngan Khalif, tetiba si Imran menyesal bagai. Pastu mula la Nadia berbelah bagi. Dengan Khalif nya tetiba ada 'skandal'.

.

Bagi aku, walaupun ceritanya cliché, tapi Anna Lee sentiasa menghiburkanku dengan dialognya yang selamba. Memang boleh buat aku gelak macam orang gila.

.

Dalam banyak-banyak novel AL yang ku pernah baca, sampai sekarang Aku, Dia dan Pinky Promise berada di tempat teratas, kemudian barulah Mesej dan lain-lain.

---

### **Wan Izzaz says**

Best! Aku suka novel ni sebab watak Khalif yang sanggup melakukan apa sahaja untuk berkenalan dengan Nadia. Cair giler dengan cara Khalif tu but, aku benci dengan sikap Nadia yang suka jump to wrong conclusion. Lain kali dengar penjelasan dulu.

---

### **Nonie?serenity2bliss says**

~~Announcement before review: N nak jual buku ni for RM7. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :)~~

Cerita ni taklah sebest yang N harapkan dan jangka. Tak pernah baca buku dari Anna lee. Masuk dalam to-read list pun sebab ramai kawan dalam GF letak buku ni dalam shelf dorang. N agak kurang suka dengan watak Nadia. Pada N watak dia agak annoying dan cepat berprasangka. Suka menyibuk pun ader jugak. Pace jalan cerita ni pun tak konsisten. Ada masanya ia menarik sampai N sumbat beratus-ratus muka surat dalam beberapa jam. And then ada masanya ia agak surut dan membosankan.

Tapi don't let pendapat N influence your decision to read this sebab ramai kat GF yang bagi buku ni rating bagus :) Preferences masing-masing adalah berbeza.

Dalam cubaan untuk membuat teman lelakinya cemburu dan cepat masuk meminang, Nadia berkenalan dengan Khalif. Khalif yang pada sata pertemuan pertama mereka bergaya serabai. Dahlah matanyer berwarna merah kerana alergi. Nadia pula sangka dia ni mat gian, pencuri kereta dan sebagainya.

Selepas itu, mereka kerap bertemu beberapa kali. Cuma kali ini, gaya Khalif jauh berbeza. Bertembung di

Emas Holdings, Nadia sangka Khalif ni seorang driver. Tapi waktu tu, dia tak sedar si Khalif ni lelaki gian yang dia ajak berkahwin dulu.

Hanya semasa mereka bertemu di Pulau Perhentian, barulah Nadia tahu Khalif nilah si mat gian. Terus daripada sata itu, mereka kerap berhubung. Tapi Nadia tak tahu si Khalif ni bukannya pemandu untuk bos besar Emas Holdings.

Dari kawan mereka menjadi kekasih. Apabila Nadia frust dengan rakan kerja dan bos, Khalif setia memujuk dan menjadi teman bicara yang setia. Nadia tak kisah, pemandu pun pemandulah, janji Khalif seorang yang boleh dipercayai. Lagipun kalau berlakikan seorang yang kacak dan kaya, bukannya boleh dipercayai sangat pun.

N suka sangat dengan watak Khalif. Sweet gila tahap sakit gigi!

---

## azian2575 says

Nadia & Khalif

*Sweet jalan citer novel ni..*

Nadia: Lain yang dirancang.. Bercinta dengan Imran selama 5 tahun.. Imran yang diharap menjadi suami dan imamnya lalu berpisah jua akhirnya kerana tiada lagi cinta yang berbaki.. Selain tidak dihargai, hanya dia sahaja yang mempertahankan dan mengharap.. Tapi Allah ada rancangan baik untuknya..

*Lalu, takdir mempertemukannya dengan si 'mat gian'..*

*Dengan rambut panjang, misai janggut bersepah.*

*Tapi biasanya mat gian, badan kurus kering. Baju kotor dan berbau. Tapi dia ni...wangi! Pakaian boleh tahan kemas dan badan boleh tahan sasa. Suara pun sedap.*

Khalif: "Badan saya bersih dari segala jenis pil ataupun dadah. Kalau ada pun mungkin sebab Panadol."

Khalif.. terjatuh cinta pandang pertama kat Nadia, berusaha dan bertabah mengubat luka si jantung hati..

Perempuan mana yang tak terubat hati bila diri dihargai dan dimanja.. :)

Yang baik tak semestinya baik, dan yang tak baik tak semestinya tak baik..

Redhakan setiap ujian kerana hikmahnya sangat manis.

Subhanallah.. Sungguh indah aturan kehidupan yang Allah tentukan untuk hamba-Nya.

---